

# TENTANG LAPORAN INI

Laporan Tahunan Bersepadu (LTB atau Laporan) pertama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang prestasi KWSP untuk tahun kalendar 2021 (1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021).

## TUJUAN

Laporan Tahunan Bersepadu (LTB atau Laporan) pertama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) ini bertujuan untuk memberikan gambaran tentang prestasi KWSP untuk tahun kalendar 2021 (1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021). Laporan ini menerangkan usaha KWSP dalam melindungi simpanan persaraan ahli di samping menyokong pembangunan negara.

Pada tahun 2021, KWSP memulakan pembangunan Pelaporan Bersepadu (<IR>) untuk menambah baik amalan pelaporannya. KWSP komited untuk memberikan gambaran keseluruhan yang lebih telus dan komprehensif mengenai strategi, tadbir urus, prestasi dan prospek, dalam konteks persekitaran luaran, ke arah penciptaan nilai dalam jangka pendek, sederhana dan panjang. Di samping itu, KWSP komited untuk membantu ahli mencapai masa depan yang lebih baik melalui penambahbaikan berterusan dalam melindungi simpanan ahli dan menyediakan perkhidmatan yang cemerlang.

## SKOP

KWSP ialah sebuah badan berkanun persekutuan di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan diberi mandat untuk menguruskan simpanan persaraan pekerja di Malaysia mengikut Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991.

Laporan ini membentangkan butiran prestasi kewangan dan bukan kewangan KWSP pada tahun 2021, merangkumi semua aspek operasi serta tinjauan untuk jangka pendek, sederhana dan panjang. Laporan ini juga memberi makluman kepada pihak berkepentingan KWSP tentang proses penciptaan nilai secara telus dan holistik.

## RANGKA KERJA PELAPORAN

Laporan ini dan penyata-penyata kewangan telah disediakan mengikut:

- Rangka Kerja Pelaporan Bersepadu <IR> oleh International Integrated Reporting Council (IIRC);
- Akta KWSP 1991;
- Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS);
- Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS); dan
- Piawaian Inisiatif Pelaporan Global (GRI).

## PERNYATAAN LEMBAGA


Ahli Lembaga KWSP bertanggungjawab ke atas integriti Laporan ini dan mendapati bahawa kandungan Laporan ini adalah berdasarkan fakta dan melaporkan prestasi KWSP dengan wajar bagi tahun 2021.

## KENYATAAN PANDANGAN KE HADAPAN

Laporan ini mengandungi kenyataan pandangan ke hadapan tentang prestasi perniagaan dan kewangan KWSP yang melibatkan risiko dan ketidakpastian yang bergantung kepada berlakunya sesuatu peristiwa pada masa hadapan. Semua kenyataan pandangan ke hadapan dalam Laporan ini adalah berdasarkan kedudukan semasa KWSP dan trajektori yang dijangkakan serta maklumat yang tersedia pada masa ini.

## MAKLUM BALAS

KWSP memberi tumpuan untuk membina keyakinan dan mengekalkan hubungan telus dengan pihak berkepentingannya. Sekiranya anda mempunyai maklum balas dan/atau pertanyaan mengenai kandungan Laporan ini ini, anda boleh menyampaikannya kepada kami melalui Pusat Pengurusan Perhubungan KWSP di talian +603 8922 6000 atau [www.kwsp.gov.my](http://www.kwsp.gov.my).



PETUNJUK DAN IKON

Enam Modal



Modal  
Kewangan



Modal  
Insan



Modal  
Pembuatan



Modal Sosial dan  
Hubungan



Modal  
Intelektual



Modal  
Semula Jadi

Pihak Berkepentingan



Ahli



Lembaga,  
Panel  
Pelaburan dan  
Jawatankuasa  
Penasihat  
Shariah



Kerajaan dan  
Badan Kawal  
Selia



Majikan



Kakitangan  
KWSP



Syarikat  
Penerima  
Pelaburan



Rakan Niaga



Komuniti  
Tempatan

Perkara Material



Prestasi  
Kewangan



Pengalaman  
Pelanggan



Pelaburan  
Lestari



Ketelusan  
dan Etika  
Perniagaan



Polisi  
Awam



Privasi dan  
Keselamatan  
Data Pelanggan



Pengurusan  
Modal Insan



Komunikasi dan  
Maklumat



Ketahanan  
Menghadapi  
Bencana Alam



Kehadiran  
Pasaran



Kesihatan dan  
Keselamatan



Pengurusan  
Sumber Asli



Pengurusan  
Pembekal



Komuniti  
Tempatan

Petunjuk: ● Ekonomi ● Sosial ● Alam Sekitar